



BICARA EKSklusif

Program bantu masyarakat B40



Rumah di Segambut Dalam rosak, dinding retak



DBKL bakal naik taraf jalan-jalan belakang jadi kawasan membaca buku, lebih ceria untuk pengunjung

Tukar imej lorong gelap



LORONG belakang di beberapa kawasan di ibu kota boleh diberikan wajah baharu termasuk menjadikannya sebagai lorong buku.

LORONG-LORONG belakang di sekitar Kuala Lumpur yang sebelum ini sinonim dengan keadaan kotor selain menjadi tumpuan kegiatan tidak bermoral bakal ditukar imej menjadi ceria.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad mahu lorong belakang itu ditukar menjadi lorong buku serta dilengkapi dengan cafe moden.

Katanya, lorong-lorong berkenaan sedang

dikenal pasti dan ia menjadi sebahagian daripada usaha DBKL dalam membuat persediaan Kuala Lumpur sebagai Ibu kota Buku Dunia (KLWBC) pada tahun 2020.

"Kita akan minta setiap bandar raya yang pernah memegang status Ibu Kota Buku Dunia membiayai lorong-lorong tersebut dan ia akan dihiasi dengan lukisan mural dan risalah berkenaan bandar raya terbabit," katanya.

Berusaha capai sasaran terbit 30,000 buku setiap tahun

KUALA LUMPUR - Kerajaan amat komited terhadap kemajuan industri buku dan penulisan seperti termaktub dalam matlamat dasar buku negara dengan penerbit perlu mengeluarkan tiga judul buku baharu setiap hari sebagai sasaran menuju negara maju.

Jumlah tersebut bersamaan atau tidak kurang daripada 1,000 judul buku setahun bagi

setiap bilangan sejuta penduduk.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, dalam konteks populasi rakyat Malaysia yang bakal mencecah 30 juta orang, negara ini perlu menerbitkan kira-kira 30,000 judul buku setahun.

"Insya-Allah sekiranya kita usahakan dengan bersungguh-sungguh dengan cukup-

nya insentif dan sebagainya. Memang sekarang ia jauh daripada sasaran itu," katanya ketika berucap melancarkan Anugerah Buku Negara (ABN) 2019 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku

Negara, Hasan Hamzah dan Pengarah Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Abd. Wahab Ibrahim.

Sementara itu, Pengerusi Panel Penilai Profesional ABN 2019, Tan Sri Prof. Dr. Abdul Latiff Abu Bakar menyifatkan ABN sebagai anugerah berprestij yang bertujuan memberi galakan kepada penulis untuk menghasilkan penulisan

yang bermutu.

Menurut Abdul Latiff, pihaknya menerima kira-kira 500 buah buku untuk dinilai dan hampir kesemuanya dicadangkan oleh penerbit buku.

Sebanyak 86 anugerah meliputi pelbagai kategori telah disampaikan kepada para penerbit buku bagi mengiktiraf warga industri penerbitan buku di negara ini.

DBKL bakal jadikan jalan tersebut sebagai kawasan membaca buku, cafe moden

Tukar wajah lorong belakang

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR - Kerajaan berazam untuk menukar lorong-lorong belakang di sekitar ibu kota yang sebelum ini sinonim dengan keadaan yang kotor selain menjadi tumpuan kegiatan tidak bermoral kepada lorong-lorong buku yang ceria serta menarik kehadiran pengunjung.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, suasana di lorong belakang akan diubah kepada suasana yang ceria dengan aktiviti pembacaan buku serta dilengkapi dengan cafe moden.

Menurutnya lagi, projek menaik taraf lorong-lorong belakang tersebut menjadi sebahagian daripada usaha DBKL sebagai persediaan Kuala Lumpur sebagai Ibu kota Buku Dunia (KLWBC) pada tahun 2020.

"Lorong buku ini adalah idea dari pihak DBKL iaitu mereka menyiapkan lorong-lorong yang terpilih untuk diberi kepada negara-negara yang pernah menjadi ibu kota buku dunia sebagai memperkenalkan budaya dan identiti bandar raya ibu kota buku dunia

"Kita akan minta setiap bandar raya yang pernah memegang status Ibu Kota Buku Dunia membiayai lorong-



KHALID (yengah) bergambar dengan penerima-penerima ABN 2019 di PWTC, baru-baru ini

lorong tersebut dan ia akan dihiasi dengan lukisan mural dan risalah berkenaan bandar raya terbabit," katanya kepada Wilayahku selepas merasmikan Anugerah Buku Negara 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Khalid berkata, usaha tersebut pasti dapat menarik pelancong asing



LORONG belakang di beberapa lokasi di ibu kota perlu diceriakan dengan menjadikannya sebagai lokasi aktiviti membaca.

ke lorong buku tersebut sekali gus memperkenalkan bandar raya yang pernah menjadi Ibu Kota Buku Dunia kepada warga Malaysia dan pelancong asing.

Menurut Khalid lagi, pihak DBKL akan cuba untuk mencerahkan lorong-lorong gelap supaya imej suram tersebut akan bertukar.

"Kedudukannya perlu bersesuaian dan warga kota mesti bersama-sama berganding bahu untuk meningkatkan imej bandar raya Kuala Lumpur supaya setaraf dengan bandar raya utama dunia yang lain.

"Di lorong itu juga, pihak DBKL akan mengindahkan kawasan tersebut dan meletakkan sudut membaca supaya identiti Kuala Lumpur akan berubah serta meningkatkan lagi penghayatan warga kota terhadap aktiviti yang melibatkan perbukuan," katanya lagi.

Konsep bandar pintar dalam cadangan pembangunan Kampung Baru

KUALA LUMPUR - PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) mencadangkan penerapan konsep bandar pintar (smart city) yang meliputi beberapa komponen utama seperti 'smart mobility' dan 'smart living' ke dalam pembangunan semula Kampung Baru di sini.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLAN Malaysia, Datuk Mohd. Anuar Maidin berkata, pelaksanaan komponen bandar pintar melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan memberi

banyak manfaat khususnya dalam menangani isu-isu perbandaran masa kini serta hadapan.

Jelas beliau, kaedah mempromosikan komponen-komponen smart city juga bakal menjadikan kawasan terlibat lebih berdaya saing dan mampu menarik pelbagai aktiviti sosial, ekonomi dan alam sekitar sekali gus menyumbang kepada pembangunan bandar raya Kuala Lumpur yang vibrant dan berdaya huni.

"Sebagai contoh, konsep dan reka bentuk pembinaan yang bercirikan teknologi mesra alam dan penggunaan tenaga

yang cekap (air dan elektrik) di bawah komponen 'smart environment' akan menjadikan kawasan pembangunan Kampung Baru sebagai bandar rendah karbon sekali gus memenuhi indeks bangunan hijau (GBI) yang ditetapkan kerajaan.

"Real-time monitoring' dalam sistem pengurusan banjir kilat dan amaran bencana kepada penduduk juga boleh dipertingkatkan di samping penggunaan 'smart grid', 'smart water meter' dan

sebagainya," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Mohd. Anuar, melalui 'smart living' pula, pembangunan Kampung Baru boleh mempromosikan penggunaan pengawasan pintar kamera litar tertutup (CCTV) dan pelaksanaan 'crime prevention through environmental design' (CPTED) bagi mewujudkan kawasan kediaman yang selamat.

Ujar beliau, smart city melalui 'smart neighbourhood' juga boleh mengoptimalkan penyediaan ke-

mudahan masyarakat terutama di kawasan yang terhad.

Jelasnya, sebagai contoh, pembinaan smart 'community centre' yang dilengkapi dengan komputer dan internet, virtual library serta e-sport dapat memberi kemudahan kepada semua golongan masyarakat.

"Balai informasi yang akan disediakan boleh menyediakan maklumat tentang latar belakang serta sejarah penubuhan dan pembangunan Kampung Baru menerusi akses maklumat secara digital iaitu e-pelancongan," katanya.



ANUAR

Cinta Azila kepada hidupan liar

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

Foto **NAZIRUL ROSELAN**

MINAT yang mendalam terhadap khazanah alam semula jadi dan kepelbagaian spesies hidupan liar menjadi pencetus kepadanya untuk mengkaji lebih terperinci mengenai hidupan tersebut.

Bagi Rosmidzatul Azila Mat Yamin, 39, yang bertugas sebagai Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), kebiasaan orang ramai hanya berbicara mengenai alam sekitar secara umum dan tidak dikupas dengan mendalam menjadikan isu alam sekitar dipandang ringan oleh kebanyakan masyarakat di negara ini.

"Perkara ini mendorong saya dan IKIM untuk bersama-sama World Wildlife Fund (WWF) memperjuangkan isu alam sekitar bagi menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan biodiversiti,

"Kami menerbitkan buku-buku melibatkan kepentingan alam sekitar bertajuk 'Islam, Pemuliharaan Hidupan Liar & Anda' dalam bahasa Melayu pada tahun 2012

dan diulang cetak pada tahun 2014," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Rosmidzatul Azila berkata, melalui penerbitan buku tersebut, WWF telah memohon supaya buku tersebut dicetak dalam bahasa Inggeris untuk dipasarkan di Amerika Syarikat.

Mengakui dirinya telah sehati dengan isu alam sekitar, ekosistem dan hidupan liar, Rosmidzatul Azila berkata, dia telah didedahkan dengan perkara tersebut sejak dari bangku sekolah.

"Sejak dari sekolah rendah saya telah didedahkan dengan alam sekitar dan sering menyertai aktiviti 'jungle trekking', perkhemahan dan sebagainya," katanya.

Jelasnya, perkara tersebut telah mendorongnya melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains pengkhususan Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti di Universiti Malaysia Terengganu.

Rosmidzatul yang berasal dari Gunung Bachok, Kelantan turut banyak menghasilkan penulisan mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

"Saya mula menulis sejak berkhidmat di IKIM pada April 2007 dan terlibat menulis artikel dan diterbitkan di akhbar dan



ROSMIDZATUL AZILA menunjukkan buku karyanya bertajuk 'Islam, Pemuliharaan Hidupan Liar & Anda' dalam versi bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

pernah dipanggil untuk sesi wawancara di radio IKIM berkaitan biodiversiti dan alam sekitar.

"Saya juga telah menulis sebuah buku yang diterjemah ke dalam tiga bahasa, dua karya suntingan, sebuah buku 'coffee table' IKIM dan Alam Sekitar 25 Tahun Menghijau Minda' dan karya terbaru, 'Islam, Pemuliharaan Biodiversiti & Anda'



Rosmidzatul Azila yang berkelulusan Sarjana Sains Biologi Pemuliharaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkata, tahap kesedaran masyarakat tentang alam sekitar di negara ini masih lagi kurang walau pelbagai kempen telah dijalankan.

"Budaya masyarakat berkaitan penjagaan kebersihan dan alam sekitar harus diubah seiring kepesatan teknologi," katanya.

Kita BERJAYA atas Doa dan berkat jasa Ibu & Ayah; Senyumkan Ibu & Ayah dengan Infaq Sedekah kita

INFAQ
buat Ibu & Ayah

Minima
RM 5

YPDEM **BANK ISLAM**
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA

INFAQ SEDEKAH untuk beli tanah, bina bangunan tahfiz dan bantu biayai tahfiz-tahfiz rangkaian Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia (YPDEM)

05 - 7777577 & 7777578

Website: ypem.asia

Panduan Infaq guna



1. Muat turun aplikasi SnapNPAY di



2. Pilih i-Sedekah

3. Imbas Imej QR ini



Infaq untuk
Tahfiz-Tahfiz Quran
Yayasan YPEM

4. Masukkan Jumlah sumbangan & Ikut langkah yang dipaparkan